

Jumaat, Jul 07 2017

Jaringan sistem pengangkutan bersepadu bantu jana ekonomi

KUALA LUMPUR 7 Julai - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, hanya jaringan sistem pengangkutan yang baik dapat membantu penjana pertumbuhan ekonomi negara sekali gus meningkatkan lagi kualiti hidup rakyat.

Perdana Menteri berkata, dengan adanya rangkaian pengangkutan yang bersepadu, lebih ramai lagi rakyat negara ini akan mendapat peluang untuk mengubah taraf ekonomi dan kualiti hidup mereka.

Sambil menyifatkan projek pengangkutan awam sebagai keutamaan pembangunan yang dekat di hatinya, beliau berkata, kerajaan berusaha menyambung dan memanjangkan lagi perhubungan agar pengguna dapat berulang-alik ke tempat kerja dengan lebih cepat dan kos lebih rendah kerana menyedari masalah utama sistem pengangkutan awam yang terputus hubungan.

"Pada bulan ini, kita bakal mencatat sejarah dalam sistem pengangkutan awam negara apabila fasa kedua Transit Aliran



FASA kedua Transit Aliran Massa (MRT) aliran Sungai Buloh-Kajang (SBK) akan bermula 17 Julai ini.

Massa (MRT) aliran Sungai Buloh-Kajang (SBK) disiapkan sepenuhnya.

"Aliran ini bakal berkhidmat untuk lebih 500,000 penumpang,

satu pencapaian yang sangat membanggakan bagi Prasarana Malaysia Berhad dalam usaha menyediakan sistem pengangkutan awam bertaraf dunia," ka-

tanya dalam rakaman audio yang dimuat naik di laman blog beliau, hari ini.

Najib berkata, pengguna pengangkutan awam dapat menjimatkan masa untuk berulang-alik ke tempat kerja, malah lebih masa terluang dan penjimatan kos pengangkutan dapat meningkatkan kualiti hidup rakyat.

Katanya, aspek pelaburan seperti inilah yang membuktikan kebajikan rakyat terus diutamakan dalam pembentukan dasar-dasar kerajaan hari ini.

"Masa yang diijamatkan daripada memandu pergi dan balik dari tempat kerja selama berjam-jam, kini boleh diluangkan untuk membaca bahan-bahan ilmiah, beristirahat bersama keluarga tersayang.

"Malah jika kita mahu melelapkan mata sebentar setelah tiba di rumah dari tempat kerja pun, Insya-Allah, ada masanya," ujarnya.

Katanya, masa itu emas dan sesungguhnya lebih masa yang terluang serta penjimatan kos pengangkutan, itulah yang akan meningkatkan kualiti hidup rakyat.

UTUSAN 7/7